

12 JAN 2001

Fong - Skim

DUA SKIM PERANTISAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DIBANGUNKAN

MELAKA, 12 Jan (Bernama) -- Majlis Pembangunan Sumber Manusia dengan kerjasama sektor swasta sedang membangunkan dua lagi skim perantisan dalam bidang teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan tenaga mahir.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata dua skim itu berkaitan bidang pengaturcaraan dan artis penulisan multimedia untuk industri yang berkaitan dengan multimedia, percetakan dan juga pengiklanan.

"Jangka masa latihan skim perantisan itu adalah 18 bulan iaitu sembilan bulan latihan di premis penyedia latihan dan sembilan bulan latihan di tempat kerja," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian kontrak Skim Perantisan Mekatronik peringkat Negeri Melaka, di sini hari ini.

Beliau berkata skim yang akan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini untuk para pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sasaran keperluan tenaga mahir dalam bidang itu sekurang-kurangnya 500 pekerja setahun.

Menurutnya bidang pengiklanan multimedia, percetakan dan penyediaan laporan tahunan oleh syarikat-syarikat multi nasional yang beroperasi di negara ini masih menggunakan kepakaran tenaga asing.

"Langkah kementerian ialah menyediakan keperluan tenaga rakyat tempatan yang setaraf dalam penggunaan pelbagai pakej berasaskan e-pengetahuan dan k-ekonomi," katanya.

Ketika berucap, Fong berkata kerajaan memperuntukkan RM35 juta melalui Tabung Majlis Pembangunan Sumber Manusia bagi melatih dan melahirkan pekerja mahir dalam bidang Mekatronik, Industri Perhotelan, Permesinan Industri dan Operator Pengangkutan MultiModal.

Sehingga kini, sebanyak 3,183 perantis telah didaftarkan untuk mengikuti latihan di bawah skim tersebut dan 1,032 daripada mereka mengikuti skim mekatronik.

Beliau juga berkata sejak Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia diwujudkan sehingga Disember lepas, sejumlah 7,135 majikan telah berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

"Bantuan kewangan sebanyak RM818.93 juta telah diluluskan dan usaha untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja secara berterusan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan," katanya.

-- BERNAMA

NO RI